

**NO. SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7870**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan status sagu hati kepada 72,000 bekas anggota polis darurat yang bertugas di antara tahun 1948 dan 1962 di Semenanjung dan 1962 hingga 1974 di Sabah dan Sarawak yang telah diumumkan di dalam Bajet 2012. Sama ada sudah dilangsaikan pembayaran sagu hati tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak awal tahun 2012 sehingga tarikh tutup pada 31 Julai 2013, Kementerian telah menerima sejumlah 114,990 permohonan untuk bantuan saguhati RM3,000.00 seorang di bawah Tabung Amanah Warisan Polis (TWAP) seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012 yang lalu. Dari jumlah permohonan tersebut, PDRM telah membuat pembayaran saguhati kepada 70,987 orang bekas polis zaman darurat, termasuk kepada balu atau duda bekas polis, dengan jumlah keseluruhan pembayaran sebanyak RM212,961,000. Baki sebanyak 44,003 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan, ini termasuklah kegagalan untuk melengkapkan borang permohonan, tidak cukup dokumen pembuktian perkhidmatan sebagai anggota polis pada zaman darurat dan juga permohonan yang meragukan.**